

Kementerian Pelajaran bincang isu *Interlok* esok

BATU PAHAT 16 Jan. – Perbincangan mengenai isu novel sastera *Interlok* antara Kementerian Pelajaran, wakil dipilih MIC, penulis, sasterawan dan ahli akademik akan diadakan Selasa ini di pejabat kementerian.

Timbalan Menteri Pelajaran, Dr. Mohd. Puad Zarkashi (gambar) memberitahu, 20 individu dipilih menyertai perbincangan itu yang akan dipengerusikan beliau bermula pukul 9 pagi.



“Sebahagian besar panel yang dipilih terdiri daripada ahli akademik, penulis dan sasterawan iaitu 10 orang manakala wakil yang dipilih MIC dan wakil kementerian pelajaran, masing-masing lima orang,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di Bilik Gerakan UMNO Batu Pahat di sini hari ini.

Mohd. Puad memberitahu, antara panel dipilih ialah Sasterawan Negara, Datuk Dr. Mohd. Anuar Rethwan juga dikenali

sebagai Anwar Ridhwan dan penulis tersohor yang juga Pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof. Madya Dr. Lim Swee Tin.

Turut dipilih adalah Timbalan Dekan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Madya Dr. Sivamurugan Pandian dan Setiausaha Satu Gapena, Profesor Madya Datuk Zainal Abidin Borhan.

Felo Penyelidik Utama dan Profesor Sociolinguistik Bahasa Melayu Institut Alam dan Tamadun Melayu (Atma), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dr. Teo Kok Seong dan Ketua Dua Gapena, Prof. Datuk

Dr. Abdul Latif Bakar, juga berada dalam senarai panel tersebut.

Wakil yang dipilih MIC pula terdiri daripada Presiden Hindu Sangam, R. S. Mohan Shan; bekas Ketua Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya (UM), Dr. S. Singaravelu; Ketua Jabatan Pengajian India UM, Prof. Madya Dr. S. Kumaran; Pengerusi Biro Pendidikan MIC, Datuk Dr. T. Marimuthu dan bekas pegawai di Kementerian Pelajaran, G. Krishnabagwan.

Novel *Interlok* karya Sasterawan Negara, Datuk Abdullah Hussain yang diterbitkan Dewan Bahasa dan Pustaka menjadi kontroversi kerana didakwa mengandungi unsur sensitif yang menyinggung perasaan kaum

India berhubung penggunaan perkataan ‘pariah’ (paria) pada kandungan muka surat 211 dan 220.

Sehubungan itu, beberapa pihak mendesak kerajaan menarik balik penggunaan novel *Interlok* sebagai teks wajib Komponen Sastera dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu bagi pelajar Tingkatan Lima.

Sementara itu, Mohd. Puad menyatakan, pembangkang tidak sewajarnya menjadikan isu *Interlok* sebagai modal pembangkang untuk memenangi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Tenang.

Katanya, tindakan sebegitu hanya akan membuktikan pembangkang mahu memainkan isu perkauman.